

Bumi panas sebab industri persenjataan

u.m m/s 11 04.2.07

Oleh ISMAIL HASHIM YAHAYA

LAPORAN Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini menanggarkan kenaikan purata suhu dunia sebanyak 6.4 darjah celsius menjelang 2100.

IPCC meramalkan bahawa kenaikan suhu ini akan menjadikan kegiatan pertanian, malah hidupan biologi terjejas di muka bumi.

Menurut IPCC lagi jika keadaan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pembakaran bahan bakar yang tinggi seperti minyak, arang batu dan gas yang mengeluarkan karbon dioksida akan menyebabkan atmosfera menjadi semakin hangat.

Keadaan yang diramalkan ini lebih buruk daripada laporan IPCC yang diterbitkan pada 2001 apabila kadar tinggi kenaikan yang diramalkan adalah pada 5.8 darjah celsius.

Laporan terkini adalah ramalan yang dilakukannya oleh sekumpulan 600 orang penyelidik daripada 40 buah negara di dunia. Laporan konsensus mereka ini menggunakan 14 model superkomputer mengenai atmosfera sejagat dan berulang kali dilihat semula oleh 600 lagi para penyelidik meteorologi.

Ramalan ini juga merupakan suatu cabaran bagi mereka yang beralasan dan berdebat dengan mengatakan pemanasan bumi tidak berlaku dan kegiatan manusia bukanlah punca kepada apa yang diramalkan itu.

Apa yang dilihat daripada laporan IPCC dan hujah-hujah pencinta alam bahawa kebanyakan alasan atau sebab musabab kepada pemanasan bumi ditujukan kepada usaha manusia yang dikatakan terlibat dalam kegiatan ekonomi yang memusnahkan alam sekitar.

Namun kita mungkin telah mengabaikan atau tidak mengaitkannya bahawa salah satu punca utama kepada pemanasan bumi juga disebabkan oleh penghasilan lebih banyak senjata pemusnah besar-besaran (WMD). Ini berikutan kemunculan industri serta

teknologi baru yang boleh menghasilkan senjata-senjata sedemikian.

Kita dapat melihat bahawa hampir setiap hari bom-bom dan senjata berbahaya digunakan dan dibebaskan ke udara di wilayah-wilayah konflik seperti seperti Afghanistan, Iraq, Lebanon, Palestin dan Somalia.

Ini masih belum mengambil kira ujian senjata nuklear dan senjata merbahaya yang lain yang dilakukan secara terbuka dan sulit.

Malah negara-negara Barat dan yang berkemampuan menghasilkan senjata nuklear sedang berlumba untuk menghasilkan WMD ini.

Sumber-sumber yang diperlukan bagi menghasilkan senjata-senjata ini dan emisi yang dikeluarkannya serta penggunaan pesawat udara bagi pengeboman dan kerosakan yang dialami turut menyumbang kepada pemanasan bumi.

Tetapi laporan IPCC dan media Barat sekadar meletakkan tanggungjawab pada penduduk bumi ini secara amnya sahaja yang terlibat dalam kegiatan ekonomi yang memusnahkan alam sekitar.


Mereka tidak mempertanggungjawabkan negara kuasa utama Barat yang menghasilkan dan menjadi pedagang utama WMD itu.

Tentera AS dan Perjanjian Pertubuhan Atlantik Utara (Nato) masih terus mengebom Afghanistan dan Iraq. Mereka inilah yang merupakan penyumbang utama kepada pemanasan bumi hari ini.

Negara-negara Barat inilah juga yang memiliki sejumlah besar kilang-kilang, loji nuklear, kenderaan dan peralatan tentera dan pangkalan tentera yang besar.

Mereka berada pada nombor satu dalam industri ini sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua. Jadi bagaimana bumi tidak menjadi semakin panas dan bagaimanakah keamanan hendak tercapai? Merekalah yang harus dipertanggungjawabkan dan bukan umat manusia secara amnya.

Berbanding dengan negara-negara Barat lain, AS dan Britain yang mencetuskan ba-



BUMI menjadi panas dan kering bukan sahaja disebabkan oleh aktiviti manusia melakukan pencemaran tetapi juga disumbang oleh industri persenjataan. Gambar ialah sebuah tasik yang kering di China.

— Reuters

nyak peperangan dan mengembangkan sikap suka menjajah sehinggalah sekarang.

Mereka telah menggunakan bom atom bagi menamatkan Perang Dunia Kedua ke atas bandar Nagasaki dan Hiroshima di Jepun.

Mereka juga telah menggunakan bom yang meninggalkan kesan yang buruk ke atas bumi dan manusia dalam perang di Vietnam, Iraq, Afghanistan serta Lebanon yang kononnya hendak membunuh musuh dan pengganas, tetapi sebenarnya melibatkan banyak nyawa yang tidak berdosa.

Berapa jutaan tan bom yang telah dilepaskan ke atas bumi Vietnam, dan sekarang ke atas Iraq, Afghanistan dan Lebanon. Ini masih tidak termasuk wilayah-wilayah konflik lain yang melibatkan AS dan Kesatuan Soviet semasa perang dingin dahulu.

Ini semua merupakan sumbangan kepada pemanasan bumi yang dikatakan itu. Negara-negara kuasa nuklear ini telah mencetuskan ketidakstabilan kepada kerak bumi yang turut menyumbang kepada pemanasan bumi.

Perlumbaan hendak menghasilkan banyak

senjata merbahaya bagi mencari pegganas sehingga ke lubang cacing dan ceruk-ceruk gua di kaki gunung akan memberikan kesan alam sekitar yang tinggi nilainya.

Ia akan menyedut lebih banyak minyak dan gas yang perlu disumbangkan kepada industri ini dan akan menghasilkan lebih banyak karbon dioksida yang dikeluarkan daripada kilang-kilang ini yang memproduksi bom sebesar lori tangki.

Bom-bom ini akan menembusi ke dalam bumi dan membunuh mereka yang tidak berdosa hanya kerana mencari segelintir pegganas. Ia akan menimbulkan ketidakstabilan ke dalam kerak bumi dan mencetuskan ketidakseimbangan.

Sayangnya saintis-saintis Barat mengabaikan fakta-fakta ini kerana jika mereka mengemukakan bukti seluruh industri persenjataan Barat akan terhenti dan keamanan akan dicapai.

Saintis Barat ini memang tinggi keilmuan sains dan teknologi mereka tetapi mereka dikuasai oleh para pemimpin yang kemaruk kekuasaan dan kekuatan.

Mereka menjadi hamba kepada industri persenjataan Barat.

Jumlah bahan api dan sumber-sumber yang diperlukan bagi menghasilkan sebutir bom yang digunakan di Iraq telah menyumbang kepada kerosakan bumi dan perubahan iklim. Penggunaan bom-bom yang besar termasuk yang dimuatkan dalam pesawat udara, kapal laut, kapal selam, kereta kebal dan kenderaan tentera lain turut menyumbang kepada peningkatan pemanasan bumi.

Semasa perang Iraq pada 1991, ribuan bom yang dilepaskan oleh ribuan pesawat udara ke atas rejim Saddam Hussein. Dalam sebulan sahaja, tindakan peperangan ini telah menyumbang kepada lebih setahun daripada emisi karbon dioksida di Iraq sahaja.

Dunia haruslah membuka mata dan menghentikan penghasilan senjata merbahaya yang memusnahkan bumi dan manusia serta turut menyumbang kepada pemanasan bumi.